

# **MALAYSIAN INTERNATIONAL CONFERENCE ON TRENDS IN BIOPROCESS ENGINEERING (MICOTRIBE)**

**Bioproses** - satu bidang baru yang kini berkembang dengan semakin majunya di bidang biologi, terutama Bioteknologi dan Biologi Molekular. Menyedari akan pentingnya bidang tersebut dalam era globalisasi kini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan satu persidangan berkaitan kejuruteraan Bioproses dengan matlamat untuk meintegrasikan maklumat mengenai bidang berkenaan. Program anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses itu berlangsung selama dua hari bermula dari 12 hingga 13 Disember melibatkan lebih kurang 70 penyertaan dari dalam dan luar negara yang terdiri di kalangan ahli-ahli akademik, penyelidik, organisasi korporat dan pihak industri.



Persidangan yang diberi nama "Malaysian International Conference On Trends In Bioprocess Engineering (MICOTriBE 2009)" itu telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Para penceramah terdiri daripada penceramah tempatan dan antarabangsa iaitu Dr. Namdar Baghaei-Yazdi, Chief Technical Officer in Biocaldol Ltd., London BioScience Innovation Centre, United Kingdom, Dr Rasadah Bt Mat Ali, Pengarah Medicinal Plants Programme, Forest Research Institute Malaysia (FRIM) Puan Norazlina Pakiman dari Innobiologics Sdn. Bhd. dan Dr. Shuhaimi Mustafa dari Universiti Putra Malaysia.

Persidangan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UniMAP, Yang Berbahagia Brig Jen Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin dalam satu majlis makan malam yang gilang gemilang. Naib Canselor dalam ucapan perasmianya berkata MICOTriBE adalah penting dan baik untuk diteruskan kerana ia menghimpunkan ahli-ahli akademik, penyelidik dan organisasi korporat dari seluruh dunia.

Belliau percaya melalui persidangan ini pelbagai cadangan dan idea-idea bemas akan terhasil dalam menghasilkan produk berasaskan sumber bahan semulajadi. Antara lain beliau menegaskan program yang julung kali diadakan itu secara tidak langsung memberi peluang kepada para peserta untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan selain menghasilkan idea-idea baru dalam penghasilan produk.

Kepentingan bidang ini tidak dapat dinafikan kerana seluruh dunia sedang beralih kepada penggunaan bahan semulajadi dan dengan itu konsep pemprosesan dan kejuruteraan pembangunan produk sangat perlu bagi mengelak dari berlakunya longgokan bahan semulajadi di Malaysia. Bertepatan dengan tema persidangan ini iaitu penambahbaikan sumber bio tempatan melalui kejuruteraan bioproses, kebanyakan kertas kerja yang dibentangkan adalah sangat berkaitan. Pembentangan mengenai penyelidikan dalam sumber tenaga bio, penghasilan bahan semulajadi dalam meningkatkan kesejahteraan manusia dilihat amat bertepatan dengan keperluan masa kini.

Persidangan ini dapat menjadi platform terbaik bagi para peserta menjalin rangkaian akademik yang kuat di kalangan penyelidik universiti-universiti tempatan dan antarabangsa demi mengukuhkan bidang penyelidikan di Malaysia.

Persidangan ini telah mencapai matlamat untuk menghimpun penyelidik dan usahawan dalam pelbagai bidang kejuruteraan bioproses dengan kehadiran 64 peserta dari seluruh Malaysia dan 11 peserta luar negara. Objektif pertukaran idea dan berkongsi pengalaman turut tercapai dari sesi soal jawab yang memperlihatkan peserta mengambil bahagian secara aktif.